

BERITA HARIAN

DATE: 12 / 08 / 2007

# Abdullah beri jaminan berlaku adil

Oleh Suzianah Jiffar

**K**OTA KINABALU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan kerajaan akan berlaku adil kepada semua rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini, terutama dalam menyelesaikan isu yang penting.

Perdana Menteri berkata, ia termasuk isu dikemukakan pemimpin dari Sabah, Tan Sri Bernard Dompok yang menyuarakan kebimbangan terhadap perbezaan antara sistem perundangan Syariah dan sivil.

"Saya adalah Perdana Menteri kepada semua rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini dan saya akan berlaku adil kepada semua. Sebagai muslim, saya percaya al-Quran dan agama saya menyuruh adil dan saya pegang itu.

"Disebabkan itu apa saja isu, kita akan bincang dalam Kabinet, walaupun tidak mudah bagi kita untuk memutuskan apa yang terbaik. Bagaimanapun, kita perlu jadikan Perlembagaan dan Rukun Negara serta dasar sebagai garis panduan.

"Bernard (Dompok) mengemuka-

kan banyak isu dalam Kabinet dan kita membincangkannya secara toleransi. Walaupun tidak memberi kepuasan kepada semua tetapi tidak ada mana-mana pandangan yang tidak dilayan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) di Magellan Sutura di sini semalam. Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman serta semua presiden parti komponen BN di Sabah.

Beliau memberi reaksi terhadap

ucapan Dompok yang juga Presiden Upko yang mengatakan perwakilan Upko dalam bahas mereka menyuarakan kebimbangan mengenai perancangan pelaksanaan bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah yang mengakibatkan kecelaruan dalam pentadbiran kehakiman di negara ini.

Abdullah berkata, beliau akan memberi perhatian serius terhadap apa juga masalah dibangkitkan pelbagai pihak dan parti komponen Barisan Nasional (BN), termasuk Upko.

BH - 12/8/2007